

Representasi Sosial Masyarakat Dalam Lirik Lagu Aman RA

Social Representations of Society in Aman Ra's Lyrics

Zulieda binti Azni
¹Wan Amizah Wan Mahmud

Pusat Kajian Media dan Komunikasi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: zuliedazni.work@gmail.com;
¹wan_amizah@ukm.edu.my .

ABSTRAK

Industri muzik di Malaysia dibanjiri dengan pelbagai jenis muzik dan lagu yang diperdengarkan kepada masyarakat. Muzik menjadi medium yang dapat menyampaikan sesuatu mesej kepada masyarakat melalui bait-bait lirik lagu yang ditulis. Lirik berfungsi menerangkan kisah atau pemikiran di dalam sesebuah lagu serta mempunyai kaitan yang rapat dengan masyarakat. Lagu rap dilihat mempunyai peluang yang besar dalam industri dengan kehadiran penyanyi dan penulis lirik lagu yang berkualiti. Kajian ini mengkhusus kepada intepretasi dan representasi sosial yang terkandung di dalam lirik lagu Aman Ra. Kajian ini menggunakan data tiga buah lirik lagu Aman RA iaitu 'Tabah', 'Budak Flat' dan 'Bangun'. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Representasi Sosial (1961) oleh Sergei Moscovici. Kajian dijalankan mengikut empat elemen Representasi Sosial yang diperkenalkan oleh teori, iaitu kepercayaan sepunya, skema, penanda dan prinsipal. Dapatan kajian mendapati teori ini sesuai digunakan untuk mengenalpasti representasi sosial di sebalik lirik lagu rap. Hasil analisis mendapati terdapat mesej yang cuba disampaikan kepada masyarakat dalam konteks yang lebih luas. Lirik-lirik lagu tersebut ditulis dan disulami dengan mesej dan motivasi yang menggambarkan kehidupan sosial masyarakat di dalam sesebuah struktur masyarakat.

Kata kunci: kritikan sosial, masyarakat Melayu, kritikan drama, poligami, monodrama

ABSTRACT

The music industry in Malaysia is flooded with different types of music and songs that are heard to the public. Music is a medium for communicating a message to the public through the lyrics of the song lyrics. The lyrics work to convey a story or thought in a song and have a close relationship with the community. Rap songs are seen as a great opportunity in the industry with the presence of quality singers and songwriters. The study focused on the interpretation and social representation of rap song lyrics produced by local rap song writer Aman RA. This study uses the data of three lyrics of Aman RA's songs 'Tabah', 'Flat Boy' and 'Wake Up'. The theory used in this study is Sergei Moscovici's Theory of Social Representation (1961). The study was conducted on the four elements of Social

Representation introduced by the theory, namely, common beliefs, schemes, markers and principals. The study found that this theory is useful for identifying social representations behind the lyrics of rap songs. The analysis found that there are messages that are tried to be conveyed to the public in a wider context. The lyrics of the song are written and emblazoned with messages and motivations that reflect the social life of the community within a community structure.

Keywords: *Representations, Social representations, Interpretation, lyrics, rap, Aman RA*

1. Pengenalan

Muzik adalah satu unsur yang menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia. Persembahan muzik merupakan suatu seni dan memahami muzik adalah sejenis bidang atau disiplin. Lagu adalah satu gubahan nada atau alunan untuk menghasilkan gubahan bunyi yang mengandungi irama. Lagu juga telah menjadi satu medium hiburan yang menyampaikan sesuatu pesanan terhadap masyarakat. Dalam hubungan ini, kualiti sesebuah lagu itu ditentukan dengan tahap penerimaan masyarakat terhadap mesej-mesej yang ingin disampaikan melalui lirik lagu tersebut. Selain irama yang mengasyikkan, lirik lagu turut memainkan peranan penting dalam penghasilan lagu yang menarik. Lirik berfungsi dalam menerangkan kisah atau pemikiran di dalam sesebuah lagu serta mempunyai kaitan yang rapat dengan masyarakat (Zurinah Hassan 1982).

Dengan itu, lirik sesebuah lagu itu mampu mempengaruhi jiwa dan mempunyai unsur emosi dalam menyampaikan pesanan kepada pendengar. Setiap lagu yang ditulis mempunyai kisah yang tersendiri sebaliknya. Muzik adalah salah satu platform komunikasi yang boleh serta sering digunakan oleh penggiat muzik di dalam industri. Penyanyi sesebuah lagu mencipta identiti sendiri dengan menyanyikan sesebuah lagu mengikut personaliti atau kecenderungan mereka. Antara jenis muzik yang ada adalah genre rap, balada, rock, jazz dan sebagainya. Setiap genre lagu mempunyai pendengar setia atau peminat mereka sendiri.

Oleh yang demikian, kertas ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu pertama, menginterpretasi kisah di sebalik tiga buah lirik lagu Aman RA, dan kedua, mengenalpasti representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA.

2. Sorotan Literatur

2.1 Latar belakang Aman RA

Aman bin Jamaluddin atau lebih dikenali sebagai Aman Ra merupakan seorang penyanyi, penulis lirik, komposer, penerbit rakaman dan usahawan. Aman Ra mula aktif dalam industri hiburan sejak tahun 2006 lagi dan tahun ini cukup 14 tahun Aman Ra di dalam industri. Anak kelahiran Kuala Lumpur ini mula menunjukkan minat dalam rap sejak dari sekolah menengah lagi yang awalnya hanyalah untuk mengekspresikan masalahnya dengan menulis lirik. Beliau adalah salah seorang penyanyi hip hop atau rapper dan kekal membawa identiti tersebut sebagai penyanyi yang popular dengan genre tersebut. Sehingga kini Aman Ra telah berjaya membina audiens lebih daripada 34 juta penonton di laman YouTube. Aman Ra menyatakan bahawa penulisan lirik lagu yang dinyanyikan adalah pengalaman hidup yang pernah dilaluinya. Pengalaman pahit beliau dalam industri serta ego dirinya banyak memberi

motivasi kepada beliau untuk menghasilkan karya yang lebih baik. Kebanyakan lagu yang dinyanyikan adalah berkaitan kisah hidup sendiri dan beliau ingin mengilhamkannya kepada masyarakat. Video lagunya yang bertajuk Budak Flat memperoleh 2.7 juta penonton dan 881 komen di laman YouTube. Ini membuktikan bahawa lirik lagu tersebut berjaya menyampaikan sesuatu mesej kepada pendengar sehingga boleh mendapatkan reaksi dan komen daripada pelbagai lapisan masyarakat dan umur dalam ruang komen video lagu tersebut.

Penyanyi berumur 32 tahun tersebut pernah menerbitkan satu album yang berjudul REBEL yang memuatkan 10 buah lagu di dalam album tersebut serta empat buah single bermula tahun 2010 sehingga yang terbaru. Lagu yang dinyanyikan beliau menerima respon yang baik daripada peminat. Bukan itu sahaja, Aman Ra turut melibatkan diri dalam dunia perniagaan dengan mengusahakan jenama beliau sendiri iaitu BudakFlat Co dan Boleh Pergi Mampus dengan memasarkan barangan seperti Topi dan T-shirt. Aman Ra menerima sambutan yang memberangsangkan daripada peminat yang menyokong beliau dalam industri muzik malah dalam bidang perniagaan yang diusakan olehnya sendiri.

Beralih kepada kemunculan Aman Ra, beliau mula dikenali dengan nama Kraft dan merupakan anggota kumpulan College Dropouts, hasil gandingannya dengan rakan sekolah menengahnya, Caprice. College Dropouts pernah bertanding di ASTRO's Hitz.TV Blast Off (Season 3) dan memenangi tempat kedua bagi program realiti muzik tersebut. Disitulah nama Kraft mula dikenali dan mempunyai peminat dari genre yang sama. Aman Ra seterusnya bersaing dalam pertempuran Rap seperti "2009 Think You Got Skillz?", "Freestyle Rap Battle" dan menerima Anugerah Most Valuable Poet (MVP) kerana bakatnya yang luar biasa.

Dalam tahun yang sama, Kraft kemudiannya mengeluarkan single pertama berjudul "Diamonds" yang berjaya menduduki carta teratas radio tempatan serta viral di media sosial pada ketika itu. Single tersebut telah memenangi Anugerah Hip Hop/ Urban Song di Voice Independent Music Awards 2010 serta merangkul pengiktirafan 'Song of the Year'. Selain itu, nilai kompetitif yang ada di dalam diri Aman Ra dapat dibuktikan apabila memenangi Most Valuable Poet (MVP) di dalam pertandingan WORD Rap Battle" 8TV dengan membawa pulang hadiah utama sebanyak RM 25,000.

Lirik lagu dapat dianggap sebagai satu cara dalam mengekspresikan pengalaman hidup, kisah cinta dan kehidupan. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengambil tiga buah lagu daripada kesemua lagu Aman Ra bagi mengkaji representasi sosial yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut yang cuba disampaikan kepada masyarakat. Antara lirik lagu yang akan dikaji adalah 'Tabah', 'Budak Flat' dan 'Bangun'. Setiap lirik ini akan dikaji bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengkaji memilih lagu-lagu tersebut kerana mempunyai unsur sosial yang dekat dengan masyarakat. Lirik lagu juga adalah satu cara yang moden dalam mendekati masyarakat dengan selitan emosi dan gubahan melodi sesebuah lagu.

2.2 Lagu dan lirik lagu

Lirik merupakan satu ekspresi seseorang tentang sesuatu hal yang dialaminya. Menurut Moeliono (2003), pencipta atau penulis lirik haruslah pandai mengolah kata dalam menulis lirik. Setiap kata dalam lirik mempunyai irama dan ragam suara. Menurut Pramudya Adhi (2011), lagu bukanlah alat hiburan semata malah perlu ada unsur pendidikan atau nilai-nilai lain yang terkandung di dalamnya sehingga memberi manfaat kepada pendengar. Rotra adalah kumpulan rap dari Yogyakarta dan lagu-lagu yang dibawa oleh kumpulan rap ini menerima sambutan yang baik serta diminati oleh masyarakat. Kumpulan ini banyak membawa tema sosial dalam lagu-lagu yang dinyanyikan oleh mereka. Satu kajian telah dilakukan bagi meneliti nilai-nilai moral yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Pencipta

lagu seharusnya tidak mengejar keuntungan sahaja dalam mencipta lirik lagu sebaliknya memberikan makna yang bererti dan memberi inspirasi kepada pendengar.

Glory Natha (2017) mengatakan penyanyi mungkin tidak kelihatan seperti mengukuhkan stereotaip terhadap perempuan tetapi sebenarnya melalui tanda dan lambang yang ada di dalam video lagu yang dicipta berdasarkan video yang dikaji olehnya. Septia Winduwati (2017), dangdut pada awalnya menggunakan bahasa yang mudah difahami. Tema yang diangkat dalam lagu dangdut biasanya berkisar tentang kehidupan seharian. Namun, seiring dengan kehidupan masyarakat, tema yang dibawa juga berubah. Para pencipta lagu memilih untuk melahirkan karya-karya yang sesuai dengan zaman sekarang. Perubahan budaya dan gaya hidup masyarakatnya dapat ditemui dalam berbagai media misalnya lirik lagu.

Menurut Tommy Pamungkas (2013), di tengah gelombang modernisasi dalam budaya Jawa, budaya Jawa masih dapat mengekalkan budayanya. Hal itu dapat dilihat dari fenomena rap Jawa, Hip-Hop Foundation dimana nilai-nilai dasar budaya masih dijumpai didalam pemikiran dan karya kontemporari rap yang vulgar. Muzik rap juga menjadi medium dalam menyalurkan aspirasi dan pemikiran. Rekonteksualisasi dilakukan ke atas muzik rap yang umumnya ditentang kerana karakteristiknya yang bersifat kontroversial terutama dalam penggambaran kekerasan, seks serta yang berkaitan dengan budaya Jawa.

Normaliza Abd Rahim, Nur Maisarah Roslan & Siti Nur Aliaa Roslan (2015) mendapati lirik lagu 'Nipah Oh Nipah' berunsurkan konflik emosi dapat dikenalpasti serta pelajar dapat membezakan jenis emosi yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Lirik lagu dapat mempengaruhi perubahan emosi seseorang. Ika Suzaiman Let & Rohaidah Kamarudin (2018), bahasa kiasan wujud daripada pemikiran masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa. Oleh itu, bahasa kiasan ini bergantung kepada pemikiran sesebuah masyarakat dan hal ini mewujudkan unsur budaya dalam bahasa kiasan yang dicipta oleh sesebuah masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa.

Menurut Eko Wahyulianto (2016), lirik lagu sebagai komunikasi dapat menarik perhatian pendengar dengan cara menciptakan lirik-lirik yang berkualiti dengan fenomena sebenarnya. Para penulis berusaha untuk menyampaikan pendapatnya melalui lirik lagu untuk dinikmati dan juga dirasakan oleh para pendengar dengan apa yang berlaku yang di sekelilingnya. Norhafidah, Norzaliza & NorAsyikin (2018), penciptaan lirik-lirik lagu dikir barat bukanlah sekadar nyanyian tempelan untuk berhibur. Lirik-lirik lagu dikir barat yang dicipta banyak memaparkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kehidupan atau peristiwa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat hasil daripada pengalaman ataupun melalui pemerhatian pendikir.

2.3 Teori Representasi Sosial

Representasi sosial adalah idea, pendapat dan perlakuan yang dikongsikan oleh kumpulan sosial berkenaan objek sosial. Moscovici (1984) mengenalpasti bahawa teras representasi sosial berdasarkan hipotesis yang dibangunkan oleh Abric pada tahun 1994. Teras representasi sosial terdiri daripada hanya beberapa kumpulan yang abstrak tetapi mempunyai peranan yang sangat berpengaruh dalam menentukan makna bagi representasi sosial. Representasi sosial mempunyai tiga cabang fungsi iaitu menghasilkan makna representasi, mempengaruhi hubungan antara kumpulan masyarakat dan menstabilkan representasi persekitaran.


Teori representasi sosial ini diperkenalkan oleh Serge Moscovici pada tahun 1961 di Perancis. Teori ini berasaskan kepada pemikiran psikologi sosial dan sosiologikal ini serta kurang mendapat perhatian kerana kurangnya tulisan akademik dalam bahasa inggeris dan hal berkenaan telah menyebabkan teori ini tidak banyak dibicarakan oleh pakar dan golongan sarjana dari dunia Anglo-Saxon (Moscovici & Duveen 2000). Representasi sosial adalah proses mendapatkan hasil pemaknaan dalam sesuatu ideologi dalam masyarakat, organisasi atau sesebuah kumpulan. Teori ini menetapkan satu fenomena baru yang menjadi perdebatan, perasaan, konflik dan kepercayaan ideologi serta mengubah pemikiran dalam masyarakat. Sebagai sebuah teori komunikasi, teori ini menghubungkan individu dan masyarakat, media dan awam. Teori ini relevan untuk digunakan dalam kajian komunikasi media melalui beberapa cara.

Representasi sosial merupakan pelbagai jenis kognisi kolektif, akal fikiran atau pemikiran kolektif masyarakat atau sesebuah kumpulan. Ia sentiasa berkait rapat dengan objek sosial, budaya atau simbolik yang merepresentasi sesuatu. Namun tidak ada satu definisi spesifik bagi representasi sosial yang digunakan oleh para pelopor dan Moscovici sendiri memberikan beberapa pernyataan yang berbeza.

Teori representasi sosial mengandaikan bahawa representasi sosial adalah kefahaman yang meliputi subjek yang lebih luas dan melibatkan sistem budaya yang simbolik berkaitan bahasa. Terdapat dua tahap komunikasi untuk menghasilkan sesebuah komunikasi iaitu aturan perkataan dalam sesebuah perbualan atau komunikasi dan aturan idea yang cuba dikomunikasikan. Tahap kedua pula adalah susunan perkataan berkaitan secara lebih atau kurang daripada kepercayaan dan representasi bagi memenuhi tujuan komunikasi tersebut. Struktur ini kemudiannya bergantung kepada turutan awal beberapa themata iaitu bukti atau kepercayaan sesuatu masyarakat dan tidak diperkatakan secara terang.

Abrudan & Prundaru (2009) melihat representasi sosial dan ideologi di dalam permainan digital. Kajian yang dilakukan olehnya memberi fokus terhadap hubungkait antara representasi sosial dalam permainan digital dengan masyarakat dan realiti. Kajian juga melihat bagaimana hal tersebut saling berhubungan. Melalui penyelidikan yang telah dijalankan, hasil kajian membuktikan permainan digital telah membentuk nilai sistem sosiologikal representasi sosial dalam membentuk dunia nyata serta membentuk representasi yang lain apabila dibawa ke dalam dunia yang sebenar.

Menurut Hoijer (2010), liputan media mengenai isu perubahan iklim sangat membantu membina kesedaran kepada masyarakat tentang hal itu. Kajian ini memberi fokus terhadap bagaimana emosi takut, harapan, bersalah dan nostalgia direpresentasikan menerusi visual dan verbal. Kajian ini juga mengaplikasikan proses di dalam teori representasi sosial dalam bagaimana idea yang dipunyai dalam masyarakat dijadikan sesuatu yang kukuh sama ada dapat dilihat dalam imej mahupun dirasai secara langsung. Kajian ini menggunakan Teori Representasi Sosial (1961) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1: Teori Representasi Sosial oleh Serge Moscovici (1961)

3. Metodologi

Dua kaedah digunakan, iaitu analisis kandungan lirik lagu dan temubual mendalam. Data bagi kajian ini adalah lirik lagu Aman Ra iaitu lirik lagu ‘Tabah’, ‘Budak Flat’ dan ‘Bangun’. Bagi analisis kandungan, borang kodan digunakan bagi mencatat klasifikasi representasi sosial mengikut empat elemen tersebut. Teori yang terlibat dalam kajian ini meliputi empat elemen iaitu kepercayaan sepunya, penanda, skema dan prinsipal. Seterusnya, data diklasifikasikan dan dianalisis oleh dua orang pengekod. Setiap baris lirik akan dianalisis bagi mendapatkan representasi yang cuba disampaikan dalam lirik lagu yang ditulis. Bagi kajian ini, data yang diperoleh adalah data kualitatif. Pengkaji akan menganalisis penceritaan denotatif dan konotatif dalam aspek sosial yang cuba disampaikan menerusi penggunaan ayat yang terdapat dalam tiga buah lirik lagu tersebut. Denotasi di dalam lirik lagu mempunyai maksud yang jelas dengan penggunaan bahasa yang betul dan benar. Penggunaan konotasi pula adalah maksud tersirat yang cuba disampaikan menerusi lirik lagu yang ditulis. Lirik lagu ini mendekripsikan kehidupan manusia seperti emosi, isu sosial masyarakat, pujian, kritikan dan keadaan persekitaran. Selain itu, pengkaji turut mengadakan temu bual mendalam bersama seorang pensyarah yang pakar dalam bidang kajian budaya ini. Jawapan yang diterima juga dianalisis mengikut empat elemen representasi sosial Moscovici (1961).

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Mengintepretasi kisah di sebalik tiga buah lirik lagu Aman RA

Mesej yang jelas dilihat adalah kesempitan hidup dan keinginan untuk berjaya dalam kehidupan. Menerusi lirik lagu Tabah, penulis lebih menekankan konteks kehidupan di kampung. Peluang pekerjaan di kampung dengan pendapatan ekonomi yang kecil dan terhad serta tidak memberangsangkan. Maka, hal ini membawa kepada keinginan atau fenomena seperti yang berlaku pada tahun 1970an iaitu berlaku migrasi ke bandar. Anak-anak muda meninggalkan kerja kampung kepada orang tua untuk mencari pendapatan yang lebih baik di bandar seperti bekerja di kilang bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Ada antaranya yang terus menetap di bandar dan menghantar duit ke kampung untuk membantu keluarga di kampung. Namun, bagi watak dalam lagu ini kemiskinan tidak dapat dielakkan. Badi kemiskinan dari generasi sebelumnya masih lagi menghantui dirinya. Hal ini mungkin kerana beberapa faktor seperti terjebak dengan masalah sosial serta tidak memandang berat tentang nilai hal pendidikan. Selain itu, lirik Tabah dilihat cuba untuk menerapkan sifat tabah ke dalam diri sesiapa sahaja yang mengalami kegagalan. Biar dalam apa bidang sekalipun yang diusahakan sekarang, perniagaan mahupun di dalam bidang hiburan. Mungkin watak yang diceritakan penulis di dalam lirik lagu ini menceritakan tentang kisah seseorang yang mencuba nasib di dalam bidang hiburan khususnya anak-anak melayu yang cuba memasuki dan menempah nama di dalam bidang hiburan. Simbolisme yang ditekankan tidak begitu kuat namun metafor yang digunakan sangat jelas.

Budak Flat pula membawa senario kehidupan di bandar dimana ada jurang ekonomi dan sosial yang jelas. Melalui tajuk itu sahaja dapat digambarkan situasi yang berbeza iaitu antara budak flat dengan budak yang membesar di kawasan pertengahan dengan persekitaran yang lebih bagus dan berkualiti. Mereka yang tinggal di kawasan flat ini kebanyakannya tahap sosioekonomi mereka lebih rendah berbanding masyarakat yang lain tanpa mengira etnik. Etnik sesebuah kaum dilihat tidak penting dalam konteks lagu ini tetapi penulis

menerapkan elemen sosial yang jelas dan kuat dalam lirik lagu ini. Ilmu kemasyarakatan atau kehidupan dalam konteks flat ini sangat penuh dengan mesej dari segi kenderaan yang digunakan. Desakan hidup yang miskin menjadikan seseorang melakukan kekufuran dan kejahatan kerana desakan yang diterima. Dalam lirik lagu ini juga berkait dengan autoriti seperti polis yang meronda, melakukan penangkapan di blok-blok dan pesalah akan dibawa ke mahkamah dengan menaiki black maria iaitu sebuah van polis yang membawa van pesalah. Selain itu, kawasan yang terlibat dalam gambaran situasi ini melibatkan masyarakat yang mempunyai minda kelas tiga, masalah kebersihan, penyakit dan sebagainya. Namun, mereka berkongsi satu harapan yang sama iaitu menjadi kaya dan keluar dari kepompong itu. Jadi pelbagai cara yang ada untuk keluar daripada kepompong itu iaitu dengan menjadi Don. Kehidupan seperti Don iaitu seorang ketua kumpulan mafia atau gangster yang melakukan jenayah, memeras ugut, memukul dan sebagainya. Kemiskinan telah menjadi satu motivasi kepada seseorang sama ada mahu melakukan kebaikan atau kejahatan. Apabila kejahatan atau jenayah dilakukan semestinya ia berkait dengan pihak polis seperti penangkapan dan serbuan. Bahasa slanga banyak digunakan dan mudah difahami bagi mereka yang pernah mengalami situasi atau berada di keadaan seperti yang digambarkan ini. Watak mama yang disebut dalam lirik lagu ini memberi makna besar dalam masa depan kanak-kanak yang membesar di kawasan ini. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menghadapi masalah-masalah sosial yang berlaku di dalam persekitaran seperti di flat. Apabila penulis meletakkan latar tempat AU3 di dalam lirik lagu ini, maka konteks sosiologinya berbeza dengan kawasan lain. Kawasan AU3 lebih banyak rumah flat berbanding rumah-rumah teres dan sebagainya. Banyak implikasi yang membawa kepada berlaku gejala tidak sihat dan pelanggaran batas agama.

Dalam lirik lagu ketiga ini dapat dilihat ada kesinambungan jalan cerita daripada lirik lagu pertama yang menceritakan perjalanan sebuah watak yang merasai kemiskinan dan berhijrah ke bandar. Watak kampung itu sedikit-sedikit terhapus dan lemas dengan godaan dan lemah iman seterusnya terjebak dengan kemiskinan yang dirasai di zaman kecil sehingga kehidupan di bandar yang tidak menjanjikan apa-apa kesenangan. Budak Flat pulak membawa kisah tentang satu sistem masyarakat dan struktur penduduk di kawasan perumahan flat. Satu kritikan sosial dalam lirik lagu ini tentang kemiskinan yang dialami oleh masyarakat di kota. Symbolisme lebih menyerlah dalam lirik lagu Budak Flat dan Bangun ini secara konsisten. Simbol kemiskinan, ekonomi, intelek dan moral terangkum di dalam lirik lagu yang ditulis ini. Namun, watak di dalam lirik lagu ini perlu diberi kredit kerana masih mempunyai unsur ketuhanan dan kepercayaan kepada Tuhan bahawa nasib itu boleh diubah. Keinginan atau motivasi untuk menjadi kaya itu menjadi satu harapan untuk terus mengubah kehidupan. Ada juga sindiran atau kritikan diselitkan dengan perumpamaan nama beliau yang naik dengan laju seperti pengenalan GST yang diperkenalkan oleh kerajaan lalu. Terma flat yang digunakan dalam lirik ini juga membawa satu makna yang subjektif. Apabila seseorang pada tahap yang flat bukan bermakna ia merujuk kepada budak flat semata. Ia juga boleh diumpamakan kepada semua orang yang sedang mengalami kesusahan dalam hidup. Seseorang itu harus bangun dari segala apa yang membuatkan dirinya flat atau rebah pada waktu ini. Mengubah posisi kehidupan yang flat kepada hidup yang lebih proaktif dan berdaya saing dalam kehidupan. Korus yang diulang dalam lagu ini bukan sekadar perkataan yang biasa namun memberi makna yang lebih mendalam juga. Semua orang harus bangun daripada posisi flat mereka. Bangun untuk berubah, keluar dari kemiskinan dan mencari rezeki. Kebanyakan orang yang berjaya datang daripada pelbagai latarbelakang yang berbeza barangkali mereka juga berasal daripada flat. Namun, usaha dan konsistensi dalam mengubah kehidupan itu perlu sentiasa ada.

Akhir sekali, penekanan unsur ketuhanan dapat dilihat dan perlu diberi pujian dalam lirik lagu ini yang memberi pengisian yang padat tanpa melupakan kuasa yang lebih besar daripada segala apa yang boleh dikawal dan dirancang dalam kehidupan ini. 'Hari hari aku bersyukur Ya Rabbi' serta ayat-ayat dalam lirik lagu ini yang yakin terhadap qada' dan qadar serta nasib yang boleh diubah dengan usaha. Jangan pernah berputus asa untuk mengubah kehidupan demi masa hadapan yang lebih baik. Ayat bangun itu sendiri membawa banyak makna yang boleh dilihat dari segala aspek konotasi. Suruhan agama untuk bangun melawan hawa nafsu, bangun menentang kemungkaran dan sebagainya. Lirik lagu ini melibatkan perspektif dan pemaknaan dalam konteks yang lebih luas.

4.2 Mengenalpasti representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA

Bagi menganalisis representasi sosial dalam lirik lagu Aman Ra, empat elemen representasi dijadikan kerangka analisis.

a. Kepercayaan sepunya (*Themata*)

*Tekanan hidup menghantui dan menguasai
Ketika diri miskin langsung tak dihargai
Azam hanya mahu tempah nama di kota
Harapan berjaya sentiasa berkobar*

Dalam rangkap ini, penulis ingin mengetengahkan kepercayaan turun temurun masyarakat yang beranggapan bahawa penghijrahan ke kota atau bandar seperti Kuala Lumpur boleh membawa kejayaan dan kesenangan. Penghijrahan ke bandar adalah satu jalan terbaik untuk mencapai cita-cita dan mengubah kehidupan lebih baik. Masyarakat mempunyai tanggapan bahawa pekerjaan di bandar itu boleh mengubah kehidupan dengan gaji yang lumayan berbanding di kampung tanpa mengetahui kesusahan yang perlu ditempuhi untuk hidup di kota.

*Nak seribu daya tak nak seribu dalih
Kalau jatuh dua kali bangun tiga kali
Jangan putus asa nanti lawan ambil alih
Teruskan berjuang cuba lagi hingga jadi
Nak seribu daya tak nak seribu dalih*

Penulis memasukkan peribahasa Melayu dalam lirik lagu ini yang menekankan usaha dalam setiap perkara yang kita impikan dalam hidup. Setiap orang pasti akan mengalami kegagalan dalam kehidupan mereka. Tetapi kegagalan itu bukan alasan untuk tidak bangkit dan mencuba lagi sehingga berjaya. Seseorang itu hanya akan mengalami kerugian dalam hidup jika selalu memberi alasan untuk tidak mencuba serta menjadikan kegagalan sebagai alasan utama kerana orang lain tidak akan mengambil melepaskan peluang itu dan berada

selangkah di hadapan. Usaha seharusnya dilakukan secara berterusan dan konsisten bukan hanya mencari alasan.

*Dulu asyik mengadu kata aku tak ada apa
Selagi aku bernyawa aku rasa aku berharta
Akal celik dan jiwa kental benda bukannya murah
Semua nak ke puncak tak semua sanggup menghadap susah (brah)*

Masyarakat zaman sekarang bersikap materialistik dengan mengukur seseorang secara luaran dan harta benda yang dimiliki. Penulis meletakkan situasi dimana masyarakat selalu memberi kata-kata yang merendahkan penulis yang tidak mempunyai harta. Masyarakat memandang penulis yang secara fizikalnya tiada harta yang mungkin merujuk kepada rumah mewah, kereta mewah dan duit yang banyak. Namun, penulis masih bersyukur dengan dirinya yang masih boleh bernafas dan bernyawa kerana baginya itu adalah harta yang paling utama perlu ada. Penulis boleh menggunakan akal dan jiwa yang ada untuk mengubah kehidupannya kerana semua orang mahukan senang tetapi tidak semua orang yang akan bertahan dengan kesusahan. Akal dan jiwa kental yang ada adalah segalanya harta yang ingin dimiliki.

b. Skema (Laws)

*Walaupun aku sanggup redah lautan berapi
Sakit sakit sampai lupa ubat luka diri
Tapi teman rakit selayar dah terlupa diri*

Perenggan ini menceritakan tentang perubahan tentang niat utama watak dalam penceritaan lagu ini. Semua orang sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan apa yang diinginkan. Berjanji untuk bersama dalam pencarian impian selama ini. Namun, sesiapa sahaja boleh berubah apabila hal-hal duniawi sudah berjaya mengaburi mata mereka. Penulis sudah mula mengadaptasi apa yang berlaku di sekelilingnya. Sesiapa sahaja mahupun sahabat sendiri boleh melupakan dirinya apabila mereka berjaya.

*Izinkan aku memperkenalkan diri
Barangkali budak flat yang mungkin jadi Tan Sri
Hati bukan merah padi tapi merah rari
Hajat masih sama kaya sebelum mati*

Penulis mempunyai impian untuk keluar daripada stigma masyarakat terhadap budak flat. Dalam perenggan ini, penulis ingin menekankan perubahan untuk menjadi seseorang yang lebih baik dengan meletakkan perbandingan status atau gelaran yang lebih tinggi seperti Tan Sri. Tan Sri biasanya dikurniakan kepada mereka yang ternama dan bertaraf tinggi yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada negara dalam apa jua lapangan. Selain itu, penulis juga menggunakan perumpamaan seperti merah padi dan merah rari. Merah rari merujuk kepada kereta Ferrari berwarna merah yang juga melambangkan kemewahan. Penulis masih tetap dengan impian yang sama untuk menjadi kaya sebelum mati. Penulis ingin melakukan perubahan dan keluar daripada kepercayaan masyarakat tentang nasib budak flat.

c. Penanda (*Rules*)

*Kalau jatuh dua kali bangun tiga kali
Jangan putus asa nanti lawan ambil alih
Teruskan berjuang cuba lagi hingga jadi
Nak seribu daya tak nak seribu dalih*

Dalam rangkap ini, penulis sudah mula dapat mengimbangi dirinya dengan dunia realiti yang sedang dilaluinya. Penulis membetulkan cara pemikirannya dalam mencapai apa yang diinginkan. Kegagalan bukan bermakna seseorang harus lemah dan berhenti setakat usahanya disitu. Kegagalan sepatutnya menjadi motivasi untuk bangun dan terus berusaha lagi secara konsisten. Tidak perlu membiarkan diri melibatkan diri dengan gejala sosial yang tidak sihat sebagai tindakan untuk menunjukkan perasaan memberontak yang wujud dalam diri. Sebaliknya, cuba untuk mengawal diri dan menerima kehidupan untuk terus berusaha.

*Akal celik dan jiwa kental benda bukannya murah
Semua nak ke puncak tak semua sanggup menghadap susah (brah)*

Perenggan ini menunjukkan satu perubahan pada gaya pemikiran penulis yang menganggap akal dan jiwa kental yang dimiliki itu juga adalah satu harta yang berharga. Generasi kini dibesarkan di dalam suasana yang berbeza dimana kemewahan wang ringgit itu adalah segalanya. Namun begitu, dapat dilihat bahawa budaya pemikiran tersebut sebenarnya bukanlah mengeksploitas pemikiran generasi kini sepenuhnya. Penulis juga memberi kata sindiran yang membawa makna kemewahan atau kesenangan itu tidak boleh diperoleh tanpa kesusahan. Semua orang mahu senang tapi bukan semua yang mahu mengharungi kegagalan dan kesusahan dalam memperoleh kejayaan yang diimpikan.

*Hari-hari aku bersyukur ya Rabbi
Hidup sehari lagi untuk aku cuba lagi*

*Nak dipermudahkan urusan dan murah rezeki
Kalau jatuh sekali aku bangun tiga kali*

Rasa kesyukuran yang diungkap oleh penulis memberi gambaran kepada pendengar tentang tahap mentaliti penulis ketika menulis lirik ini. Penulis melahirkan rasa kesyukuran kerana masih hidup untuk beliau mencuba lagi apa sahaja yang diusahakan sehingga hari ini. Kepesatan pembangunan mendesak seseorang untuk mencari wang dan memenuhi keperluan sehingga lupa untuk berasa syukur kepada sang pencipta. Penulis menulis lirik ini untuk memberi mesej kepada pendengar untuk tidak pernah lupa bersyukur. Meskipun tidak datang dari keluarga yang mewah dan terpaksa mengharungi kesusahan dalam kehidupan dapat dilihat bahawa penulis tidak membiarkan dirinya terus lupa malah memberi motivasi kepada diri sendiri untuk lebih berusaha. Sekali lagi, perubahan budaya pemikiran dapat dikenalpasti menerusi lirik ini.

d. Prinsipal (*Maxims*)

*Hustle demi hasil
Hidup terumbang ambing
Tapi budak budak ini*

*Tapi budak budak ini
Tapi budak budak ini asyik mintak signnnn!!*

Usaha dan kerja keras yang dilakukan selama ini akhirnya mengubah kehidupan penulis pada hari ini. Penulis bukan datang dari keluarga yang mewah tetapi semangat untuk terus bekerja keras akhirnya membuahkan hasil dan mengubah kehidupannya. Walaupun terpaksa melalui naik turun dalam hidupnya, penulis tidak menjadikan kegagalan sebagai satu alasan untuk tidak bangun dan mencuba lagi. Penulis hari ini adalah seorang yang dikenali dan menjadi inspirasi kepada masyarakat di luar sana. Atas segala usaha dan perubahan pemikirannya, beliau berjaya membuktikan kejayaannya.

*Aku hanya kejarkan gol aku macam FIFA
Dulu lepak bawah blok sekarang lepak rooftop*

Matlamat hidup adalah satu-satunya perkara yang ingin dicapai oleh penulis. Tidak kira apa pun yang berlaku, beliau akan mengharunginya demi mencapai matlamat. Hasilnya, penulis berjaya menukar gaya hidupnya yang lebih baik. Dulu hanya lepak di bawah flat tetapi sekarang sudah mampu pergi ke tempat lebih baik. Rooftop adalah satu tempat trend terkini yang sering dikunjungi oleh generasi kini. Gaya hidup seperti ini berbeza sekali dengan generasi yang masih berada di kepompong kemiskinan yang hanya mampu untuk menghabiskan masa bersama kawan-kawan di bawah flat.

*Enam peratus dah cam kenal aku pasti
Tahu nama aku naik macam GST (ay)*

Penulis sudah makin dikenali dalam industri pada tahap ini. Setelah melalui pelbagai cabaran dan fasa kesusahan untuk mencapai matlamat dalam hidupnya. Lebih banyak tawaran persembahan diterima. Penulis mula menyinari industri muzik dengan hasil karyanya. Nasib menyebelahi usaha penulis selama ini apabila namanya naik mendadak di dalam industri. Perumpamaan seperti pengenalan kenaikan GST digunakan dalam rangkap ini untuk memberi gambaran tentang bagaimana laju atau seberapa ramai yang telah mengenali beliau di tahap ini pada masa kini. Perubahan dalam kehidupan dapat dilihat dengan ekonomi diri yang lebih stabil, menaiktaraf kenderaan yang digunakan selama ini serta telah melahirkan satu representasi sosial yang baru dalam diri beliau.

5. Rumusan dan Cadangan

Fokus kajian terhadap representasi sosial menerusi lirik lagu rap menunjukkan bahawa teori representasi sosial sangat relevan untuk digunakan dalam pengajian media secara umumnya. Kajian ini telah mengambangkan idea asas teori bagi mencapai objektif yang ditetapkan pada awal kajian. Teori representasi sosial memberi tumpuan kepada pemikiran sosial dan budaya masyarakat serta bagaimana kognisi sosial yang baru atau representasi ditolak dan disampaikan melalui komunikasi. Kajian ini adalah sesuatu yang baru dan sesuai dilakukan mengikut perkembangan terkini industri muzik di Malaysia. Pengeluaran lagu rap yang bertambah kian hari menunjukkan genre ini semakin diminati dan mendapat sambutan masyarakat. Kajian juga membuktikan teori ini sesuai dipakai dalam menganalisis lirik lagu rap yang dihasilkan oleh penulis lirik lagu tempatan. Voelklein & Howarth (2005) tidak

mencirikan kognisi dan tindakan sebagai bantahan tetapi teori representasi sosial tiada sebarang dikotomi. Kajian mendapati teori representasi sosial ini masih relevan digunakan dalam kajian berkenaan bidang ini.

Kajian ini bertujuan memberi gambaran umum mengenai makna dan representasi yang cuba disampaikan oleh penulis lirik lagu tempatan dalam menghasilkan lagunya khususnya Aman RA. Bagi masa hadapan, pengkaji ingin mencadangkan kajian mempunyai perbandingan antara beberapa penyanyi rap yang lain di Malaysia. Kajian seumpama ini mampu memberi nilai tambah terhadap kajian yang telah dijalankan ini dan melihat dunia rap tempatan dalam konteks yang lebih besar. Cadangan ini juga mampu membandingkan cara penyampaian mesej menerusi lirik lagu bergantung kepada penulis lirik lagu rap yang lain.

Selain itu, kajian mengenai lirik lagu Aman RA yang lain juga boleh digunakan dalam memberi gambaran yang lebih baik tetapi dalam konteks yang luas lagi. Pelbagai elemen yang diterangkan di dalam lirik lagu boleh dikenalpasti dan dianalisis oleh pengkaji. Setiap lirik lagu yang dihasilkan hadir dengan pemaknaan dan simbol yang berbeza mengikut konsep yang dibawakan oleh seseorang penulis lirik. Interpretasi pemaknaan dapat dilakukan dengan lebih meluas lagi pada kajian akan datang. Oleh itu, mesej yang cuba disampaikan menerusi lirik lagu rap yang lain dapat diinterpretasikan melalui kajian sebegini.

Menerusi kajian ini, hanya lirik lagu rap yang mempunyai unsur sosial sahaja dianalisis dan diinterpretasikan mengikut teori. Menerusi kajian mendatang, pengkaji mencadangkan lirik lagu rap lain seperti Malique dan penyanyi rap *underground* juga diberi perhatian khusus. Hasil interpretasi akan memberi hasil yang berbeza kepada kajian. Genre rap semakin diterima dalam masyarakat di Malaysia. Justeru, analisis lirik lagu dilihat sebagai suatu perkara yang penting dalam melihat corak representasi dan pemaknaan yang diperlihatkan oleh penulis lirik lagu rap. Oleh itu, ulasan seperti ini menarik untuk dilihat dan menjadi keperluan untuk dikaji secara akademik.

Rujukan

- Abdulrahman Fauzi. (2016) Representation of The Social Condition in The S.I.G.I.T's Song Lyrics. State Islamic University Bandung.
- Abrudan, Elena & Prundaru George. (2009). Social Representations and Ideologies in Digital Games. *Journal of Media Research*. 5(2009): 30-41
- Alan McKee. 2003. Textual Analysis: A Beginner's Guide. London: Sage Publications.
- Anon. 2019. 'Kotor sangat lyrics' – Golongan wanita kritik lagu rap. <https://www.thereporter.my/2019/03/kotor-sangat-lyrics-golongan-wanita.html> [Mac 2019]
- Birgitta Hoijer. 2010. Emotional Anchoring and Objectification in the Media Reporting on Climate Change. *Public Understanding*. 19(6): 717-731.
- Birgitta Hoijer. 2011. Social Representations Theory: A New Theory for Media. *Research*. 32(2): 3-16
- Voelklein, C. & Howarth, C. (2005). A Review of Controversies about Social Representations Theory: A British Debate. *Culture & Psychology* 11(4): 431-454.
- Cheryl & Lynette Keyes. (2004). Rap Music and Street Consciousness. University of Illinois Press.
- Eko Wahyulianto. (2016). Representasi Pesan Dalam Lirik Lagu (Analisis Semiotika Ferdinand De Saussure Dalam Lirik Lagu 'Setan Tertawa', 'Sarjana Muda', 'Mafia Hukum'). Universitas of Muhammadiyah Malang.
- Glory Natha. (2017). Representasi Stereotipe Perempuan Dan Budaya Patriarki Dalam Video Klip Meghan Trainor "All About That Bass". *Jurnal E-Komunikasi*. 5(2):1-9
- Ika Suzainna Let & Rohaidah Kamarudin. (2018). Penterjemahan Unsur Budaya dalam Bahasa Kiasan daripada Lagu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. *Journal of Kesidang*. 3: 1-8

- Ivana Markova. (2017). *The Making Of The Theory Of Social Representations*. London School of Economics And Political Science, Londres. 47: 163.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Unsur Asam dan Akal Budi Melayu*. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015.
- Kay Suhaimi. (2018). *Too Phat: Sejarah Hip-Hop Yang Pernah Menggegarkan Malaysia*. <https://iluminasi.com/bm/too-phat-hero-hip-hop-malaysia.html> [20 Julai 2018]
- Markova. (2003). *Dialogicality and Social Representations. The Dynamics of Mind*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Moscovici. (1984). *The Phenomenon of Social Representations*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Moscovici. (2007). *Psychoanalysis. Its Image and Its Public*. Oxford: Blackwell Publishing
- Norhafidah Binti Ibrahim, Norzaliza binti Ghazali & NorAsyikin Binti Ibrahim. (2018). *Kritikan Sosial Dalam lirik Lagu Dikir Barat*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(9): 15-24.
- Normaliza Abd Rahim, Nur Maisarah Roslan, & Siti Nur Aliaa Roslan. (2015). *Konflik Emosi dalam Lirik Lagu 'Nipah oh Nipah'*. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Kebudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX) 2015 (pp. 165-171). Serdang:UPM.
- Tommy Pamungkas. 2013. *Dialektika Representasi Budaya Jawa: Hegemoni Kaidah Dasar kehidupan Masyarakat Jawa dalam Lirik Lagu Jogja Hip-Hop Foundation*. *Jurnal Komunikasi Indonesia*. 2(2): 111-118.
- Pramudya Adhy Wardhana. (2011). *Representasi Nilai-Nilai Moral Dalam Lirik Lagu Rap*. Tesis Sarjana. Jurusan Ilmu Komunikasi. Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik. Universitas pembangunan nasional 'veteran' Yogyakarta.
- Septia Winduwati. (2017). *Representasi Seks Bebas Pada Lirik Lagu Dangdut*. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora Dan Seni*. 2(1): 346-359.
- Shaha Al-Fayed. 2018. *Sejarah lagu 'Diss Track' dalam Industri Muzik Negara*. <https://www.thevocket.com/sejarah-lagu-diss-track-dalam-industri-muzik-negara/>[18 Mac 2018]
- Stuart Hall. 1997. *Representation, Cultural Representation and Dignifying. Practice*. London: SAGE Publications Ltd.